

BERITA HARIAN
28 JUN 2013 (JUMAAT)
MS 38

Koordinasi antara kerajaan, agensi cara terbaik atasi jerebu

Fenomena jerebu yang melanda negara kita kini, di samping beberapa negara jiran adalah fenomena cukup kompleks untuk diuruskan. Jerebu adalah fenomena atmosfera yang berlaku apabila debu, asap dan zarah terampai pencemaran lain mengaburi pemandangan dan kejelasan langit.

Fenomena ini terjadi jika zarah, debu dan asap berkumpul pada hari kering. Zarah kecil ini berkumpul pada paras rendah atmosfera menyebabkan masalah pernafasan dan jika tidak dibendung akan menimbulkan masalah lain pula. Kompleksiti akibat fenomena ini menuntut kepada bentuk governans kompleksiti untuk menyelesaikan. Jangka masa diambil juga berbeza mengikut aras kompleksiti tadi. Dalam hal ini, sekurang-kurangnya kekompleksannya boleh dilihat dari tiga aras berbeza.

Pertama, hubungan antara negara terbabit. Kerasionalan tinggi dituntut daripada semua negara terbabit bukan menuding jari kepada negara yang disifatkan sebagai pencetus fenomena ini. Dalam hal jerebu yang melanda negara ini, wajar diselesaikan secara diplomasi melalui semangat ASEAN.

Dalam persidangan Ekologi, Habitat dan Perubahan Persekitaran di Alam Melayu di Pekanbaru, Riau, Mei lalu, Gabenor Riau, Datuk Rusli Zainal menyatakan Indonesia bukanlah secara sewenang-wenangnya berhasrat untuk melakukan pembakaran terbuka di wilayahnya tetapi, pembakaran berlaku secara semula jadi apabila suhu di kawasan itu mencapai sekitar 35-36 darjah Celsius.

Kebakaran mudah berlaku

Kawasan hutan gambut yang begitu luas di kawasan berkenaan memudahkan berlaku kebakaran jika suhu mencapai tahap itu dalam jangka masa agak lama. Menurut beliau, Indonesia seboleh mungkin ingin menjaga kawasan berkenaan daripada pembakaran secara besar-besaran yang menyebabkan Malaysia dan Singapura mengalami jerebu begitu dahsyat ketika ini sehingga mencapai Indeks Pencemaran Udara (IPU) ke tahap Sangat Berbahaya (IPU melebihi 401). Muar dan Ledang di Johor, baru-baru ini diisytiharkan darurat alam sekitar. Kesan jerebu ini juga menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan negara yang terbabit dengan bencana alam sekitar ini. Walaupun begitu, ini bukanlah pertama kali negara ini berhadapan bencana alam sebegini teruk. Pada 1998, negara juga mengisytiharkan darurat di Kuching apabila IPU lebih 800.

Ironinya, dalam satu persidangan yang diadakan di Bangi tahun lalu, seorang perwakilan dari Indonesia secara sinis menyata-

kan jika berlaku jerebu disebabkan oleh Indonesia, maka bertubi-tubi kemarahan diterima mereka tetapi pada masa sama, Indonesia juga adalah pembekal oksigen terbesar (melalui jumlah hutan luas yang ada di Sumatera) tetapi negara jiran tidak pula pernah berterima kasih kepada mereka.

Kedua, hubungan di antara Johor dan Melaka, wajar diselesaikan secara bersama. Fenomena jerebu ini tidak mengenal dan mengambil kira apa juga ideologi dan anutan politik, kesannya terhadap kesihatan manusia dan binatang ternakan serta lainnya wajar diberikan perhatian serius.

Warga emas dan kanak-kanak serta penghidap penyakit yang begitu sensitif terhadap jerebu ini perlu mengelakkan diri daripada terdedah terhadap jerebu ini. Institusi dan agensi kerajaan negeri yang terbabit perlu duduk bersama untuk mengatasinya.

Ketiga, hubungan di antara agensi perancangan dan penguatkuasaan berbeza, misalnya Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pendidikan serta pelbagai jabatan dan agensi lain perlu digerakkan secara terjurus mengikut situasi semasa.

Maklumat kepada penduduk

Data dan maklumat tepat perlu disalurkan kepada penduduk secara berterusan agar mereka mengambil tindakan dan membuat keputusan penting harian mereka. Pengetua dan guru besar wajar lebih prihatin dengan situasi semasa untuk membolehkan mereka mengambil keputusan penting untuk meneruskan penjadualan aktiviti luar sekolah.

Fenomena jerebu ini perlu diuruskan kesannya mengikut aras kompleksiti tadi. Misalnya punca kepada kewujudan fenomena ini wajar diberi perhatian terlebih dulu. Andainya pembakaran terbuka menjadi punca, ia wajar diberikan perhatian secara bersama. Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Pertahanan Awam akan bekerjasama dengan RELA untuk memadamkan kebakaran itu.

Penggunaan teknologi tinggi seperti pembenihan awan untuk menghasilkan hujan juga tidak terlepas daripada strategi dan tindakan bersama ini. Di samping itu, penggunaan data satelit yang diperolehi dapat memberikan bantuan teknologi cukup baik untuk menentukan strategi dan pelan tindakan yang bakal diambil untuk mengatasinya.



Penulis

ialah pensyarah kanan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

SAHARUDIN IDRUS